



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M,9,10,11,14,17 & 18 , No.1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C , Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-5123 7333,03-5123 7334,03-5123 7335,03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengarah),03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan),03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399(Kesihatan Awam),03-5123 7402 (BKKM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

SEGERA

Ruj. Kami : JKNS/KA/UKP- 190/01 Jilid II (3)
Tarikh : 14 Januari 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan /Puan,

PEMAKLUMAN TERKINI BAGI KHIDMAT BERBAYAR PEMANTAUAN DI RUMAH BAGI KES COVID - 19 KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA YANG MENERIMA LANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI DIBERI KUASA DI BAWAH SEKSYEN 3 AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (AKTA 342)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat dari Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, KKM.600-29/1/34 JLD.3 (63) bertarikh 12 Januari 2022 adalah berkaitan. (salinan surat dilampirkan)

2. Seperti mana pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan maklum, Pengamal Perubatan Swasta yang menerima lantikan sebagai pegawai diberi kuasa, adalah layak menuntut bayaran dari Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran bagi khidmat pemantauan di rumah kes positif COVID - 19 kategori 1 dan kategori 2 (ringan), sekiranya pengamal perubatan tersebut telah mendaftar diri dengan Pejabat Kesihatan Daerah tersebut dan mengemukakan reten kepada Pejabat Kesihatan Daerah. Bayaran ini diberikan bagi tempoh maksima 10 hari pemantauan atau mengikut arahan pentadbiran oleh Jabatan Kesihatan Negeri, jika Pengamal Perubatan Swasta tersebut **tidak** mengenakan bayaran kepada pesakit bagi tujuan yang sama.
3. Bagi tahun 2021 peruntukan telah diluluskan secara berpusat, di bawah Kumpulan Wang COVID - 19 dan diturunkan oleh Bahagian Kewangan kepada Jabatan Kesihatan Negeri. Dukacita dimaklumkan bahawa tiada peruntukan di bawah Kumpulan Wang COVID - 19 bagi tahun 2022. Sehubungan dengan itu,

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. NO. QMS 01508

PEMAKLUMAN TERKINI BAGI KHIDMAT BERBAYAR PEMANTAUAN DI RUMAH BAGI KES COVID - 19 KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA YANG MENERIMA LANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI DIBERI KUASA DI BAWAH SEKSYEN 3 AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (AKTA 342)

buat masa ini **tiada peruntukan bagi negeri Selangor** bagi tujuan bayaran tuntutan khidmat pemantauan di rumah kes positif COVID - 19 oleh Pengamal Perubatan Swasta bermula **14 Januari 2022** sehingga dimaklumkan.

4. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, tiada halangan sekiranya Pengamal Perubatan Swasta mengenakan bayaran kepada pesakit bagi tujuan pemantauan di rumah untuk kes positif COVID - 19 berdasarkan kepada **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.14/2021 Pemakluman Arahan Pemantauan Di Rumah (Home Monitoring) Bagi Kes COVID - 19 Kategori 1 Dan Kategori 2 (ringan) Oleh Pengamal Perubatan ; KKM.600-29/1/34 JLD.2 (46) bertarikh 18 Ogos 2021** merujuk kepada perkara 3.2 iaitu :

Bagi khidmat pemantauan di rumah, caj boleh dikenakan kepada pesakit mengikut Jadual Ketujuh, Peraturan - Peraturan Kemudahan Perkhidmatan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Walaubagaimana pun caj yang dikenakan adalah tidak membebankan pesakit, demi kepentingan menangani penularan jangkitan sewaktu pandemik COVID - 19.

5. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”